



Malaysia



Good  
design

by Malaysia Design Council

# MGDA

## MALAYSIA GOOD DESIGN AWARD



---

## **Kandungan**

### *Content*

- 3** Menghadapi Cabaran Globalisasi  
*We Are Facing Global Challenges*
- 5** Objektif  
*Objectives*
- 6** Faedah  
*The Benefits*
- 7** Kelayakan Produk  
*Product Eligibility*
- 9** Kriteria Penyertaan  
*Assessment Criteria*
- 11** Perlindungan Permohonan  
*Protection of Application*
- 12** Prosedur Permohonan  
*Participant Procedures*
- 14** Yuran  
*Fees*
- 15** Kategori  
*Categories*
- 17** Proses Malaysia Good Design Award  
*Malaysia Good Design Award Process*
- 18** Sesi Penilaian  
*Judging Session*
- 19** Majlis Penyampaian Anugerah  
*Award Giving Ceremony*




## **Menghadapi Cabaran Globalisasi**

Malaysia merupakan sebuah negara yang berkembang pesat sebagai Negara maju menjelang 2020. Malaysia perlu lebih berdaya saing bagi mengekalkan posisinya untuk terus maju standing negara pengeluar yang lain.

Keadaan ekonomi semasa dan perubahan dalam corak pasaran telah merapatkan jurang di antara harga, kualiti dan fungsi produk yang dihasilkan. Untuk memastikan persaingan berterusan, aktiviti-aktiviti pembangunan dan penyelidikan produk baru perlu dilakukan secara berterusan bagi menghasilkan produk yang berinovatif dan mempunyai nilai komersil yang tinggi melalui rekabentuk terbaik dan berkualiti.

Rekabentuk terbaik bukan sekadar memberi nilai tambah dan membezakan produk buatan kita, malahan ia akan mencorak ‘trend’ pembelian pengguna ke atas produk yang dikeluarkan.





## We Are Facing Global Challenges

*Malaysia is fast growing country, which is now heading towards becoming an advanced country by the year 2020. In achieving our vision, we face global challenges and competition by other countries. Hence there's a need to stay competitive by strengthening our productivity.*

*The current economic situation and the last-changing market trends have also narrowed the gap between the price, quality and function of our manufactured products. For these reasons, research and development activities on new products must be carried out continuously so that we can produce commercially-viable and innovative products of good design and quality.*

*Good design not only adds value and differentiates our products from others, but will also shape consumer purchasing trends of the products we produce.*



## Objektif

1. Memberi pengiktirafan kepada semua sektor industri tempatan yang cemerlang dalam mengeluarkan produk berkualiti yang mempunyai rekabentuk dan teknologi inovatif.
2. Meningkatkan kualiti pengeluaran melalui penyelidikan dan pembangunan.
3. Meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan rekabentuk di kalangan pengeluar.
4. Meningkatkan taraf hidup di Malaysia.
5. Mempromosi produk dengan rekabentuk terbaik keluaran industri tempatan.

## The Objective

1. Give recognition to local industry that excel in producing quality and innovative products.
2. Encourage the upgrading of production quality through research and development.
3. Increase the awareness among local manufacturers on the importance of design.
4. To upgrade the status of living in Malaysia'
5. Promote locally – designed products.

## **Faedah**

1. Pengiktirafan tertinggi oleh Kerajaan Malaysia terhadap pengeluaran produk dengan rekabentuk berkualiti.
2. Meningkatkan reputasi syarikat menerusi jaminan kepercayaan dan keyakinan dalam jangkamasa panjang.
3. Logo 'Malaysia Good Design Award' bertindak sebagai alat pemasaran yang berkesan dalam memberi keyakinan kepada pengguna terhadap produk.
4. Promosi oleh MRM melalui media massa seperti akhbar tempatan, katalog MRM, laman web dan sebagainya.
5. Menerima potongan istimewa dalam setiap aktiviti pameran yang disertai oleh MRM di luar Negara serta lain-lain aktiviti yang melibatkan pembangunan produktiviti syarikat.

## **The Benefits**

1. *Highest recognition from the Malaysian Government to quality designed manufacturing.*
2. *It gives good reputation to company with trust and assurance in business in a long terms.*
3. *The 'Malaysia Good Design Award' logo acts as an effective marketing tool in giving confidence to consumers of the products.*
4. *Aggressive promotions by MRM through advertisement in newspaper, MRM catalogue, website, etc.*
5. *Successful companies are privileged to receive special discount to join any international exhibitions participated by MRM, and in any company productivity development programs.*



## Kelayakan Produk

1. Pilihan kategori penyertaan 'Malaysia Good Design Award' perlulah dilakukan oleh pemohon.
2. Produk mestilah asli.
3. Produk mestilah berada kurang dari 2 tahun di pasaran semasa permohonan peryertaan dilakukan.
4. Setiap penyertaan perlu menepati piawaian Malaysia / seumpamanya dan / atau sebarang piawaian keselamatan, kesihatan dan peraturan berkaitan.
5. Lain-lain perkara yang perlu disertakan :
  - 5.1 Borang penyertaan yang lengkap (**Borang 'A'**)
  - 5.2 Produk sebenar (sekiranya produk bersaiz besar, penyertaan boleh menggunakan gambar / model berskala)
  - 5.3 Laporan rekabentuk dengan penjelasan lengkap mengikut kepada kriteria pemilihan yang telah ditetapkan.
  - 5.4 Maklumat jualan dan pasaran (jika ada)
  - 5.5 Katalog / risalah penggunaan produk
  - 5.6 Salinan sijil pengesahan produk bagi yang memerlukan ujian atau dokumen yang membuktikan produk menepati piawaian atau peraturan berkaitan.
  - 5.7 Paten / Ciptaan / Sijil Rekabentuk Produk atau kenyataan bersumpah hak pemohon terhadap paten, ciptaan, hak cipta / rekabentuk produk.
  - 5.8 Nama pereka atau kumpulan pereka yang terlibat di dalam pembangunan produk.



## **Product Eligibility**

1. Category choice for the 'Malaysia Good Design Award' is to be made by the applicants.
2. The product must be original.
3. At the time of submission, the product must have already been commercialized, or have been in the market for not more than 2 years.
4. Every product entered should conform to Malaysian Standards or its equivalent and/or to the required relevant safety, health and legal regulations.
5. Necessary items to be submitted :
  - 5.1 A complete set of application form – ('A' Form)
  - 5.2 Actual product with the proper presentation. (If the size of product is too big, applicants may send a picture of the product or its scale model)
  - 5.3 A detailed design report in accordance with the assessment criteria given.
  - 5.4 Market and sales information (if any)
  - 5.5 Product catalogue / Instruction leaflet.
  - 5.6 Certification of approval for products that are required to conform to the relevant safety / health and legal regulations.
  - 5.7 Patent / Utility Innovation / Design Certificate for the product or a sworn statement justifying the applicant's rights to the product.
  - 5.8 Name of the designer or the team involved in developing the product.



# Kriteria Penyertaan

## 1. Tahap Inovasi

Idea kreatif dalam mempersembahkan kaedah baru atau pemberian fungsi yang dapat memberi manfaat kepada pengguna.

## 2. Kefungsian

Kekuatan produk dalam memenuhi sasaran fungsi, keperluan semasa dan ciri-ciri terbaik penyelesaian masalah.

## 3. Ciri-ciri Simbolik Yang Menimbulkan Emosi

Daya penarik produk yang mampu mempengaruhi pengguna atau membawa mesej tertentu yang dapat memberikan nilai tambah (value added) kepada pengguna atau sesiapa yang berada di sekelilingnya. (Contohnya : produk yang mampu mewujudkan suasana keseronokan, aman, ceria, riang atau peningkatan imej).

## 4. Penghuraian Kualiti Tersendiri

Produk menampilkan kekuatannya secara tersendiri melalui bentuk yang dihasilkan. Struktur binaannya, garisan dan warna tanpa bergantung kepada set produk dalam keluarganya.

## 5. Kualiti Pembuatan

Kekuatan di dalam mencapai kualiti pengeluaran dan standard keselamatan melalui struktur binaan dan kekemasan seperti yang diharapkan oleh pengguna dan badan penguatkuasa.

## 6. Ergonomik

Mengimbangi interaksi penggunaan di antara pengguna dengan produk secara fizikal atau psikologi. (Contohnya: Tahap keselesaan, memudahkan penggunaan, pengangkutan, penyimpanan, pemasangan dan peningkatan ciri-ciri keselamatan)

## 7. Ketahanan

Produk memaparkan kekuatan penggunaan, sesuai dengan fungsinya dan berupaya memberi keyakinan kepada pengguna.

## 8. Ciri-ciri Ekologi

Ciri-ciri mesra alam yang di terapkan ke atas rekabentuk produk, samada ia melibatkan pengguna atau persekitaran, (Contohnya: Penggunaan bahan kitar semula dan pengurangan bunyi, asap dan bau).

# **Assessment Criteria**

## **1. Degree of Innovation**

*Creative idea in presenting new methods or improved functions which brings benefit to consumers.*



## **2. Functionality**

*Product strength in full filling its target functions, current needs and the best criteria in problem solving.*

## **3. Symbolic and Emotive**

*The product has symbolic and emotional content characteristics which may influence consumers or give certain message that adds value to consumers and the surroundings.*

## **4. Self-Explanatory Quality**

*The product shall stand on its own in showing its quality through its form, construction, lines and colour without depending on its own product line.*

## **5. Manufacturing Quality**

*The strength in achieving production and safety standards of the product through its construction and finishing as required by the consumers and regulatory bodies.*

## **6. Ergonomics**

*Balancing the interactive usage between consumers and the product physically or psychologically (eg : level of comfort, ease of use, transportation, storage, assemble and upgrading of safety characteristics).*

## **7. Durability**

*The design shows its strength in usage, suitable to its function and gives confidence to users.*



## **8. Ecological Elements**

*The environmental friendly criteria, which are applied on the design, whether it involves the consumer or its surroundings (eg : use of recycled materials and reduction of smoke, smell and noise).*

## **Perlindungan Permohonan**

1. Pemohon bertanggung-jawab sepenuhnya ke atas keselamatan produk ketika penghantaran / pengambilan semula produk.
2. Majlis Rekabentuk Malaysia tidak boleh dipertanggung-jawabkan terhadap sebarang kerosakan produk yang di luar kawalannya.
3. Semua hak cipta, paten dan hak-hak kerja yang berkaitan adalah milik pemohon sepenuhnya dan mereka bertanggung-jawab untuk melindungi hak tersebut.
4. Pemohon dinasihatkan untuk melindungi produk mereka sebelum dihantar untuk penilaian.
5. Majlis Rekabentuk Malaysia berhak untuk mendokumentasikan serta mempamerkan semua produk yang Berjaya selama setahun dari tarikh majlis penyampaian anugerah.
6. Pemohon yang tidak berjaya boleh mengambil semula produk mereka dengan biaya sendiri di dalam tempoh 30 hari selepas majlis penyampaian anugerah dan Majlis Rekabentuk Malaysia berhak melupuskan mana-mana produk yang tidak dituntut selepas tempoh tersebut.



## **Protection of Application**

1. *Every applicant is responsible for the safe delivery and return of his / her product.*
2. *The Malaysia Design Council shall not be held responsible for any damage on the product that are due to causes beyond its control.*
3. *All copyrights, patents and other related rights to the work are reserved for the applicants. Accordingly, applicants are responsible for securing and protecting these rights.*
4. *Applicants are advised to protect their design before submitting their product.*
5. *The Malaysia Design Council shall has the right to document and exhibit all successful products for a period of one year after the award presentation ceremony.*
6. *Unsuccessful applicants may collect their product at their own expense within 30 days after the award presentation ceremony. The Malaysia Design Council has the right to dispose of any uncollected products beyond that period of time.*

## **Prosedur Permohonan**

1. Tarikh tutup permohonan adalah **30th Oktober setiap tahun**.
2. Borang permohonan yang telah lengkap di isi hendaklah dihantar ke MRM tidak lewat dari tarikh tersebut.
3. Penghantaran produk boleh dibuat pada bulan November ke tempat dan masa yang akan dimaklumkan oleh pihak Sekretariat MRM.
4. Setiap syarikat yang memohon wajib menghantar produk mereka untuk di nilai.
5. Segala kos penghantaran dan persembahan adalah di bawah tanggungan pemohon.
6. Pemohon di wajibkan hadir atau bersama kumpulan bagi menerangkan secara terperinci mengenai produk kepada panel penilai.

## **Keputusan Penyertaan**

1. Keputusan akan di maklumkan setelah selesai sesi penilaian di jalankan.

## **Pengambilan Semula Produk**

1. Produk yang telah dinilai boleh di ambil semula.
2. Walaubagaimanapun, Sekretariakt MRM memohon kerjasama daripada syarikat yang berjaya untuk meminjamkan produk tersebut selama setahun bagi tujuan promosi dan dokumentasi.



Imbas 'QR Code' untuk muat turun borang permohonan MGDA





Scan QR Code to  
download MGDA form

## ***Participant Procedures***

1. Application dateline is ***30th October every year.***
2. A complete application form should be sent to MRM no later than the dateline.
3. MGDA evaluation will be held in November as a venue and date as informed by the Secretariat from time to time.
4. Applicant are required to send their product for evaluation.
5. All cost covering the delivery and presentation of product should be borne by the applicants, and
6. Applicants are required to attend and / or with his team to explain and respond to any inquiries made by the panel of assessors.

## ***Results***

1. Results will be announced after through discussion among the panel of assessors.

## ***Collection of Products***

1. All evaluated products can be recollected back by the applicants.
2. The Secretariat of MRM however seek the cooperation of successful companies to lend their awarded products for a year to MRM for promotion and documentation purposes.

## **Yuran**

Tiada yuran penyertaan dikenakan.

## **Kos jika produk mendapat pengiktirafan**

Produk yang telah berjaya secara automatik layak menggunakan logo MGDA dengan bayaran penggunaan lesen **RM 1,500.00** setiap pengiktirafan. Permohonan dan pembayaran lesen wajib perlu dibuat sebelum majlis penganugerahan. Sebarang kelewatan boleh mengakibatkan keputusan penyertaan produk anda dibatalkan. Lesen tersebut adalah sah bagi produk yang dimaksudkan selama mana tiada perubahan rekabentuk dilakukan ke atasnya.

## **Fees**

*Free of charge (FOC).*

## ***Cost if the Product Awarded***

*Successful product will automatically be eligible to use MGDA logo with a licence fee of **RM 1,500.00** per recognition. Application and payment of compulsory license is require to be made before the award ceremony commence. Any delays will result in your product entry to be cancelled. The licence is valid as long as the design of the product does not undergo any changes or modifications. The use of this logo without the permission of the Malaysia Design Council is prohibited and legal action can be taken.*

# Kategori

Pengiktirafan ‘Malaysia Good Design Award’ terbahagi kepada 13 kategori seperti berikut:



## Ruang tamu dan bilik tidur

Contoh : Perabot, perhiasan, tekstil, katil, alas lantai, lampu dan lain-lain.



## Peralatan rumah, dapur dan bilik air

Contoh : Kemasan dapur, peralatan dan mesin, gelas, seramik, kelengkapan bilik mandi, kemudahan kebersihan dan lain-lain.



## Aktiviti masa lapang, hobi dan sukan

Contoh : Peralatan kebun dan hiasan taman, peralatan perkhemahan, beg, alatan fotografi, alatan permainan, alatan muzik, pakaian dan kasut, basikal dan lain-lain.



## Senibina dan persekitaran

Contoh : Sistem penghawa dingin dan pemanas, suis, sistem masa, kejuruteraan keselamatan, tingkap, pintu, perkhidmatan bangunan, hiasan dalaman dan lain-lain.



## Produk industri

Contoh : Mesin, komponen sistem, alatan, sistem automasi, teknologi pengukuran dan pengujian dan lain-lain.



## Kawasan umum dan kenderaan

Contoh : Sistem tanda, kenderaan, aksesori kenderaan, kejuruteraan automotif, motorsikal, kenderaan udara, kapal dan lain-lain.



## Perdagangan dan pesta jualan

Contoh : Peralatan pameran jualan, kelengkapan dan perhiasan kedai dan lain-lain.



## Ubatan dan pemulihian

Contoh : Kelengkapan dan mesin perubatan.



## Pejabat dan pengurusan

Contoh : Peralatan pejabat, ruang menunggu dan menerima tetamu, aksesori pejabat dan lain-lain.



## Barangan kemas, fesyen dan aksesori

Contoh : Cermin mata, jam tangan, gelang tangan, beg, tali pinggang, rantai dan lain-lain.



## Pembungkusan

Contoh : Pembungkusan makanan, barang elektrik, pakaian, produk permainan, komponen kenderaan dan lain-lain.



## Kraf

Contoh : Cenderamata, hasil kraftangan, sulaman dan lain-lain produk yang dihasilkan secara komersial.



## Media dan barang elektronik

Contoh : Teknologi informasi dan komunikasi, televisyen, perakam video, telefon, mesin penerima pesanan, komputer dan lain-lain.

# **Categories**

The recognition of Malaysia Good Design Award is classified into 13 categories as follows :



## **Living room and bedroom products**

For example : Furniture, decorations, textiles, beds, floor coverings, lamps and luminaries.



## **Household, kitchen and bathroom products**

For example : Kitchen fittings, household appliances and machines, glass, ceramics, bathroom fittings, sanitary facilities and others.



## **Leisure, hobbies and sports products**

For example : Garden and landscaping equipment, camping equipment, bags and cases, photographic equipment, games, musical instruments, sports equipment, clothing and shoes, bicycle and others.



## **Architecture and environmental products**

For example : Heating and conditioning system, structural components, switches, timer system, security engineering outdoor luminaries, windows, doors, building services, interior design and others.



## **Industrial products**

For example : Machines system, components, tools, automation systems, measuring and testing technology.



## **Public areas and transportation products**

For example : Signage system, vehicles, vehicle accessories, automotive engineering, motorcycles, aircraft, ships and urban furnishings.



## **Commerce and trade fair products**

For example : Sales display, shop fixtures and fittings, store and trade fair construction.



## **Medicine and rehabilitation products**

For example : Medical equipment and machinery.



## **Office and administration products**

For example : Office furniture, office materials, reception areas and waiting rooms, office accessories.



## **Jewellery, fashion and accessories products**

For example : Spectacles, watches, pret-a-porter collections, bracelets, bags, belts, chains and others.



## **Packaging products**

For example : Food packaging, electrical packaging, clothes packaging, toys packaging, packaging for car components and others.



## **Craft products**

For example : Gifts, handicrafts, embroidery and others which are commercially made.



## **Media and home electronics products**


For example : Information and communications technology, television sets and video recorders, loudspeakers, telephones, answering machines, computers, servers, printers, monitors, remote controls and others.

# PROSES MALAYSIA GOOD DESIGN AWARD

## MALAYSIA GOOD DESIGN AWARD PROCESS



## Sesi penilaian *Judging Session*



# Majlis Penyampaian Anugerah Award Giving Ceremony





**MAJLIS REKABENTUK MALAYSIA (MRM)**  
KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI  
D/A SIRIM BERHAD, Lot 5285, Lebuhraya Sungai Besi-Puchong,  
57000 Bukit Jalil, Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel : +603-8992 6043 e-mail : info@mrm.gov.my  
Website : [www.mrm.gov.my](http://www.mrm.gov.my) Facebook : Majlis Rekebentuk Malaysia

#### Contact Officer



**Zuljar Jaafar**  
+60192120412  
[zuljar@mrm.gov.my](mailto:zuljar@mrm.gov.my)



**Quzailan Abd Rahman**  
+60192364086  
[quzailan@mrm.gov.my](mailto:quzailan@mrm.gov.my)



**Siti Sabarina Jusoh**  
+601126721985  
[sabarina@mrm.gov.my](mailto:sabarina@mrm.gov.my)